

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**  
**BILANGAN 6 TAHUN 2022**

**TARIKH : 24 JUN 2022 (JUMAAT)**  
**MASA : 9.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING,**  
**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**HADIR**

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i><br>(Yang Dipertua)   | - | Pengerusi   |
| 2.  | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i><br>Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya<br>Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3.  | Cik Ang Lee Yong  | - | Ahli Majlis |
| 4.  | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman  | - | Ahli Majlis |
| 5.  | Encik Mohd Safiee bin Harun   | - | Ahli Majlis |
| 6.  | Encik Wong Kim Loon   | - | Ahli Majlis |
| 7.  | Encik Nadasan a/l Subramani   | - | Ahli Majlis |
| 8.  | Encik Haridass a/l Ramasamy   | - | Ahli Majlis |
| 9.  | Encik Gan Yee Chin  | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Lim Tou Yih   | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Razali bin Ahmad  | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid   | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Rahimah binti Harun  | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Yong Keh Chyn   | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Abu Bakar bin Mohamad   | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Naharanuar bin Ayob   | - | Ahli Majlis |

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 17. | Puan Rogayah binti Ibrahim  | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir   | - | Ahli Majlis |
| 19. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-</i> |   | Ahli Majlis |
| 20. | Encik Tan Wee King  | - | Ahli Majlis |
| 21. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy  | - | Ahli Majlis |
| 22. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan   | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Zulkipli bin Said   | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Abd Razak bin Ramli   | - | Ahli Majlis |
| 25. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.-</i>         | - | Setiausaha  |

#### **TURUT HADIR**

- |    |  |   |   |
|----|--|---|---|
| 1. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i>       | - | Pengarah Jabatan<br>Kejuruteraan                      |
| 2. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.-</i> |   | Pengarah Jabatan Khidmat<br>Pengurusan                |
| 3. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i>          | - | Pengarah Jabatan<br>Perbendaharaan                    |
| 4. | Puan Lisawati binti Abd. Karim                       | - | Pengarah Jabatan<br>Penilaian dan Pengurusan<br>Harta |
| 5. | Encik Abdul Rahman bin Abdul Manap, <i>P.J.K.</i>    | - | Wakil Pengarah Jabatan<br>Perancangan<br>Pembangunan  |
| 6. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap                     | - | Pengarah Jabatan<br>Landskap                          |
| 7. | Puan Nordila binti Yasir                             | - | Pengarah Jabatan<br>Pelesenan                         |
| 8. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin            | - | Pengarah Jabatan<br>Penguatkuasaan                    |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 9.  | Puan Norain binti Mohamed                           | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 10. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad                      | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan                                   |
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, <i>P.P.T.</i> | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat                                   |
| 12. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam  | - | Ketua Unit Audit Dalam  |
| 13. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K</i>               | - | Ketua Unit Perundangan  |
| 14. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim                    | - | Ketua Unit Pusat Setempat   |
| 15. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin                     | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan                                     |
| 16. | Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman               | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra                         |
| 17. | Encik Muhammad Asyraf bin Mohamad Jasni             | - | Wakil Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat          |

**DIJEMPUT HADIR**

- |    |                     |   |                    |
|----|---------------------|---|--------------------|
| 1. | Encik Ben Chiong    | - | HYVA (M) Sdn. Bhd. |
| 2. | Cik Wei Shin Cheong | - | HYVA (M) Sdn. Bhd. |

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

- |    |                                |   |                             |
|----|--------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Encik Muhammad Faiz bin Jambri | - | Pegawai Tadbir              |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman    | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<b>BACAAN DOA</b>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	<b>Makluman</b>
2.0	<b>TAKLIMAT BERKAITAN MESIN SWEEPER DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</b>	
	<p data-bbox="363 617 1255 737">2.1 Taklimat telah disampaikan oleh Encik Ben Chiong dari HYVA (M) Sdn. Bhd. untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di <b>Lampiran A</b>.</p> <p data-bbox="456 772 683 806"><u>Sesi soal jawab</u></p> <ol data-bbox="456 842 1255 1213" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="456 842 1255 1003">1. Berkenaan 'Crab Mini Road Sweeper Machine', YBhg. Dato' Pengerusi meminta mesin tersebut diubah suai supaya boleh diletakkan tong sampah di bahagian belakang.</li> <li data-bbox="456 1010 1255 1213">2. Berkenaan servis selepas pembelian, Pengarah JK berharap tidak timbul masalah seperti mesin 'skylift' MPKL sedia ada yang terpaksa menunggu pakar dari Itali untuk membuat pemeriksaan apabila berlaku kerosakan.</li> </ol> <p data-bbox="558 1255 1255 1367"><i>Dimaklumkan pihak beliau akan berhubung dengan Pengarah JK berkenaan kerosakan mesin 'skylift' MPKL.</i></p>	<b>Makluman</b>
3.0	<b>UCAPAN PENERUSI</b>	
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran Y.A.D. Orang Besar Daerah, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.	<b>Makluman</b>

<b>4.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</b>		
	<b>4.1</b>	<b>MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 5 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 MEI 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman tanpa sebarang pindaan.	<b>Makluman</b>
<b>5.0</b>	<b>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</b>		
	<b>5.1</b>	<b>- TIADA -</b>	<b>Makluman</b>
<b>6.0</b>	<b>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	<b>6.1</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	<b>6.2</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	<b>i.</b>	<b><u>Perkara 4.2.9 (m.s.12)</u></b> Encik Gan Yee Chin meminta pihak JKPM dan JL membuat paparan maklumat berkenaan larangan tanaman kontan di layar LED MPKL.	<b>JKPM/JL</b>

	6.3	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Encik Wong Kim Loon memohon pemasangan lampu limpah di Dataran Tanjung Sepat. Dicadangkan pihak Majlis menggunakan peruntukan daripada tabung amanah Caj Pemajuan. Beliau juga memaklumkan kiosk di dataran tersebut terlalu panas pada waktu siang. Oleh itu, beliau mencadangkan pemasangan kanopi.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak jabatan membuat pemasangan lampu limpah di Dataran Tanjung Sepat. Beliau juga memaklumkan cadangan pemasangan kanopi tidak sesuai kerana keadaan angin yang kuat dan meminta pihak JL menanam pokok di kawasan kiosk.</i></p>	JK/JL
	6.4	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN 10 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.2 (m.s.3)</u></b></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu statistik kes kenderaan berat yang telah dibawa ke mahkamah.</p> <p>Encik Yong Keh Chyn pula ingin mendapatkan data kompaun yang telah dikeluarkan dan telah dibayar oleh pemilik kenderaan.</p> <p><i>Dimaklumkan perkara ini akan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.</i></p>	UU

	<b>6.5</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<b><u>Perkara 5.1.3 (m.s.6)</u></b> Berkenaan isu lembu berkeliaran, dimaklumkan pihak PTD Kuala Langat akan mengadakan satu mesyuarat pada 27 Jun 2022. Di peringkat Majlis pula, satu lawatan sambil belajar akan diatitkan ke Majlis Perbandaran Alor Gajah, Melaka.	<b>Makluman</b>
	ii.	<b><u>Perkara 5.2.1 (m.s.7)</u></b> Cik Ang Lee Yong ingin tahu status terkini berkenaan tanah di belakang pondok bit Polis bersebelahan bangunan Public Bank, Banting. <i>Dimaklumkan pihak JKPTG Putrajaya telah menghantar permohonan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) untuk mendapatkan ulasan.</i>	<b>Makluman</b>
	iii.	<b><u>Perkara 5.2.3 (m.s.7)</u></b> Encik Gan Yee Chin memaklumkan berkenaan masalah bumbung rosak di gerai PLB No.2, Jalan Bahagia.	<b>JPPH</b>

	iv.	<p><b><u>Perkara 5.5.1 (m.s.10)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin ingin tahu adakah pihak Majlis bercadang untuk mengambil alih gelanggang futsal milik PTD Kuala Langat yang terletak di kawasan taman perumahan.</p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak jabatan mendapatkan senarai gelanggang futsal di kawasan taman perumahan daripada pihak PTD Kuala Langat dan membentangkannya pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar akan datang.</i></p>	<b>JL</b>
	<b>6.6</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	<b>Makluman</b>
	<b>6.7</b>	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 6 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JUN 2022</b>	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p><b><u>Perkara 4.1.2 (m.s.6)</u></b></p> <p>Encik Yong Keh Chyn ingin tahu status paparan CCTV tidak berfungsi di Kampung Baru Sungai Jarom.</p> <p><i>Dimaklumkan kamera CCTV masih lagi berfungsi. Hanya paparan di bilik kawalan JPK sahaja yang mengalami gangguan akibat masalah internet.</i></p>	<b>Makluman</b>
	ii.	<p><b><u>Perkara 5.4.2 (m.s.15)</u></b></p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan berkenaan masalah jalan mendap dan air bertakung apabila hujan di Jalan Baiduri 7, Taman Baiduri.</p>	<b>JK</b>



7.0	<b>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</b>		
	7.1	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 9 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 MEI 2022</b>	
	7.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	7.2	<b>MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 10 TAHUN 2022 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 MEI 2022</b>	
	7.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	<b>Makluman</b>
	7.2.2	Berhubung teguran berkenaan kakitangan Unit Pusat Setempat (OSC), YBhg. Dato' Pengerusi memohon Ketua Unit ambil perhatian atas perkara ini. Sebagai makluman, pihak Majlis akan membuat pusingan kerja melibatkan beberapa orang kakitangan mulai 1 Julai 2022.	<b>Makluman</b>
8.0	<b>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</b>		
	8.1	<b><u>ADDENDUM NO.1</u></b> <b>PENGESAHAN KADAR CUKAI BAHARU BAGI ASET DAN FASILITI AIR SELANGOR UNTUK SENARAI NILAIAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BERKUATKUASA TAHUN 2023 ATAU TERTAKLUK TARIKH YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI</b>  Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.	<b>JPPH</b>

		<p><u>SYOR</u></p> <p>Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta mengesyorkan supaya Kadar Cukai Baharu bagi Aset dan Fasiliti Air Selangor yang telah dibuat melalui kerja-kerja penilaian semula bagi Senarai Nilai Baru dalam kawasan pentadbiran MPKL <b>diluluskan</b> bagi pertimbangan dan kelulusan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan mengambil kira semua ketetapan seperti berikut:</p> <p>a) Bersetuju mengesahkan Aras Nilai telah ditetapkan dengan menggunakan Aras Nilai Tahun 2020.</p> <p>b) Bersetuju Tarikh Pelaksanaan Senarai Nilai Baru akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023 dan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>c) Bersetuju dengan Kadar Cukai yang baharu sebanyak 3%.</p> <p><b><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></b></p> <p>Mesyuarat bersetuju <b>meluluskan</b> kertas mesyuarat ini.</p>	
<b>9.0</b>	<b>UCAPAN PENANGGUHAN</b>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Puan Nor Aishah binti Abdul Majid,		
	i.	<p>Beliau mengucapkan Salam dan Selamat Sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Y.A.D. Dato' Orang Besar Daerah, Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau juga memulakan ucapan penangguhan dengan serangkap pantun:</p> <p style="text-align: center;">Melati Kuntum Tumbuh Melata, Sayang Merbah Dipohon Cemara, Assalamualaikum mulanya kata, Saya sembah pembuka bicara.</p>	<b>Makluman</b>

	ii.	Ucapan terima kasih kepada pihak Majlis kerana memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat hari ini. Ucapan terima kasih juga kepada Parti Amanah Selangor dan Parti Amanah Kawasan Kuala Langat kerana telah memilih beliau sebagai Ahli Majlis sejak dari tahun 2018 hingga kini.	<b>Makluman</b>
	iii.	Beliau merasa amat bertuah kerana dapat membantu memudahkan urusan-urusan komuniti taman di bawah seliaan beliau dengan bantuan dan kerjasama yang baik daripada Ketua-Ketua Jabatan. Beliau melahirkan rasa gembira kerana diberi peluang dan ruang untuk berkongsi ilmu mengenai pengurusan sisa makanan dijadikan baja kompos Bokashi, yang mana sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan masalah buangan sisa makanan yang menjadi masalah global dan juga kepada pihak Majlis sendiri.	<b>Makluman</b>
	iv.	Ucapan tahniah kepada Jabatan Perancangan Pembangunan kerana menganjurkan Pertandingan Kebun Komuniti di peringkat sekolah, taman dan agensi kerajaan. Tahniah juga kepada pihak yang Berjaya memenangi pertandingan tersebut dan meneruskan kebun komuniti kaedah Bokashi.	<b>Makluman</b>
	v.	Beliau juga mengucapkan tahniah kepada YBhg. Dato' YDP kerana menyambung kontrak selama dua tahun di MPKL. Ucapan terima kasih kepada pihak Majlis kerana telah menyediakan tempat khas jualan hasil laut di Pantai Kelanang. Setiap minggu, ramai pengunjung yang datang untuk membeli jualan hasil laut yang segar. Dengan adanya tempat jualan tersebut, ramai pengunjung yang datang ke Pantai Kelanang dan melihat keindahan Pantai Kelanang. Terima kasih kepada Pengarah JK kerana banyak membantu beliau.	<b>Makluman</b>

	vi.	<p>Di samping itu, beliau memohon pihak Majlis menaiktaraf Pantai Kelanang contohnya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina astaka (pentas) di Pantai Kelanang kerana pentas sediaada terlalu kecil.</li> <li>• Mengadakan galeri sebagai tempat informasi berkenaan hidupan laut dan juga spesies yang terdapat di Pantai Kelanang sebagai salah satu tarikan pelancong.</li> <li>• Membina jeti berbumbung sebagai tarikan pelancong.</li> </ul>	<b>JK</b>
	vii.	<p>Isu banjir sering kali berlaku di zon seliaan beliau iaitu di Bukit Changgang dan Kampung Rancangan Tanah Belia (RTB). Terima kasih kepada Skwad PANTAS MPKL dan Tuan Haji Mazlan kerana banyak membantu beliau. Beliau turut mencadangkan supaya pihak Majlis memberi syarat kepada pemaju dari segi kelulusan CF dengan membuat kerja-kerja pembersihan longkang hadapan taman jarak 1 kilometer sebelum dan selepas kawasan masuk taman perumahan untuk mengelakkan berlakunya banjir dan air bertakung.</p> <p style="text-align: center;">Asah sabit kait kelapa, Anak cina patah pengandar, Rugi sedikit tidak mengapa, Asalkan bencana banjir dapat dihindar.</p>	<b>JKB</b>
	viii.	<p>Seterusnya, beliau mencadangkan pihak Majlis menambahbaik 'landmark' hadapan Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad dan di Dataran Banting dengan meletakkan jam, suhu, tarikh, kandungan karbon dalam udara, kelembapan udara dan lain-lain data supaya menjadi panduan kepada penduduk.</p>	<b>JL</b>
	ix.	<p>Akhir kata, beliau memohon maaf sekiranya tersalah kata dan terguris perasaan sepanjang beliau bergelar Ahli Majlis. Segala yang baik datangnya dari Allah yang lemah dari beliau sendiri. Beliau mengakhiri ucapan beliau dengan dua rangkap pantun:</p> <p style="text-align: center;">Bunga dedap di atas para, Anak dusun pasang pelita,</p>	

		<p>Kalau tersilap tutur bicara, Jemari disusun maaf dipinta.</p> <p>Dari Kedah ke Pekan Sari, Beli suasa di Kota Tinggi, Selesai sudah tugas diberi, Di lain masa bersua lagi.</p>	
<b>12.0</b>		<b>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</b>	
		<p>YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Puan Nor Aishah atas ucapan penangguhan pada hari ini. Beliau juga memohon Ketua-Ketua Jabatan mengambil tindakan segera terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.</p>	<b>Makluman</b>

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.00 Pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,  
Bahagian Pentadbiran,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

*Tarikh : 29 Jun 2022*

Disemak oleh :

.....  
**(TPr HAJI ARPAAII BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)**

Setiausaha,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....  
**(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)**

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh .....  
dan disokong oleh .....

**PETUNJUK :**

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN  
PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

*lynda/mesyuarat mpkl6/2022*